



جامعة السلطان الشريف علي الإسلامية
UNIVERSITI ISLAM SULTAN SHARIF ALI
SULTAN SHARIF ALI ISLAMIC UNIVERSITY



حفل التخرج ٨
HAEL AL-TAKHARRUJ KE-8

رِيسْتَان

RISTAAN

1439H | 2018M

أونیورسیتی اسلامی سلطان شریف علی

UNIVERSITI ISLAM SULTAN SHARIF ALI

F




**KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA PADUKA SERI BAGINDA SULTAN
HAJI HASSANAL BOLKIAH MU'IZZADDIN WADDAULAH
IBNI AL-MARHUM SULTAN HAJI OMAR 'ALI SAIFUDDIEN SA'ADUL KHAIRI WADDIEN
SULTAN DAN YANG DI-PERTUAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**CANSELOR
UNIVERSITI ISLAM SULTAN SHARIF ALI**



**DULI YANG TERAMAT MULIA PADUKA SERI PENGIRAN MUDA MAHKOTA
PENGIRAN MUDA (DR) HAJI AL-MUHTADEE BILLAH
IBNI KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA PADUKA SERI BAGINDA SULTAN
HAJI HASSANAL BOLKIAH MU'IZZADDIN WADDAULAH,
MENTERI KANAN DI JABATAN PERDANA MENTERI**

**PRO-CANSELOR
UNIVERSITI ISLAM SULTAN SHARIF ALI**



RISTAAN

Diterbitkan oleh:

UNISSA PRESS

Simpang 347, Jalan Pasar Baharu

Gadong BE 1310

Negara Brunei Darussalam

Hakcipta Terpelihara © 2018

Hakcipta Terpelihara. Kandungan buku "Ristaan" yang termasuk maklumat, teks, imej, grafik dan susunannya serta bahan-bahannya ialah kepunyaan Universiti Islam Sultan Sharif Ali kecuali dinyatakan sebaliknya.

Pengerusi

Dr Hajah Rose binti Abdullah

Pengerusi Bersama

Pengiran Hajah Hanani binti Pengiran Haji

Metusain

Ahli-Ahli

Julia binti Radin

Siti Nur Zuhaidah binti Haji Abdullah

Reka Bentuk Hiasan Kulit

Md Alias bin Haji Metussin

Rekaletak Dalam

Siti Nur Zuhaidah binti Haji Abdullah

Jurufoto

Pusat Teknologi dan Multimedia

Universiti Islam Sultan Sharif Ali



Isi Kandungan

<i>Sekapar Sirih</i>	11
<i>Titah</i>	13
<i>Hafl Al-Takharrij Ke-7</i>	14
<i>Mahrajah Hafl Al-Takharrij Ke-7</i>	18
<i>Kecemerlangan Akademik</i>	22
<i>Kecemerlangan Penyelidikan dan Penerbitan</i>	28
<i>Program Pembangunan</i>	31
<i>Komitmen Antarabangsa</i>	48
<i>Lawatan Kerja Ke Luar Negara</i>	52
<i>Kunjangan Dari Luar Ke UNISSA</i>	61
<i>UNISSA dan Masyarakat</i>	71
<i>Aktiviti UNISSA</i>	80
<i>Kecemerlangan Pelajar</i>	90





وَأَقِمْ وَجْهَكَ لِلدِّينِ حَنِيفًا
وَأَنْتَ عَلَى الْإِيمَانِ أَكْرَمُ الْقَوْمِ
وَأَقِمْ وَجْهَكَ لِلدِّينِ حَنِيفًا
وَأَنْتَ عَلَى الْإِيمَانِ أَكْرَمُ الْقَوْمِ

“Dan bertaqwalah kamu kepada Allah, nescaya Allah akan mengajar kamu”
(Sūrah al-Baqarah: 282)

Sekapur Sirih

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته
الحمد لله رب العالمين، وبه نستعين على أمور الدنيا والدين،
والصلاة والسلام على أشرف الأنبياء والمرسلين سيدنا محمد
وعلى آله وصحبه أجمعين،

Alhamdulillah dengan Izin dan Rahmat Allah *Subhanahu wa Ta'ala*, buku Ristaan sempena Hafl Al-Takharruj Kali Ke-8 Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) 2018 telah berjaya diterbitkan. Buku ini diterbitkan untuk memberigakan maklumat tentang aktiviti-aktiviti akademik, pembangunan dan pencapaian UNISSA sepanjang bulan Oktober 2017 hingga Ogos 2018.

Dari sudut perkembangan antarabangsa, kewibawaan UNISSA semakin terserlah dengan bertambahnya jaringan kerjasama di antara institusi ini dengan universiti-universiti dalam dan luar negara melalui penandatanganan Memorandum Persefahaman (MOU). Di samping itu, jumlah penghantaran para pelajar cemerlang UNISSA menerusi *Study Abroad Program* (SAP) ke seberang laut seperti negara Jordan, Malaysia, Oman, United Kingdom dan Emiriah Arab Bersatu menunjukkan peningkatan yang memberangsangkan. Kemasukan pelajar antarabangsa ke UNISSA juga semakin bertambah dari masa ke semasa.

Para tenaga akademik dan mahasiswa-mahasiswi juga bergiat aktif dan proaktif dalam penganjuran seminar di dalam dan luar negara, ekspo, forum, ceramah umum, bengkel, kursus, khidmat masyarakat, aktiviti kepimpinan, pertandingan dan sebagainya.

Saya berharap agar ahli-ahli akademik sentiasa *istiqamah* dalam mendidik para pelajar UNISSA. Tidak dapat dinafikan tanggungjawab dan peranan para pendidik sangat mencabar dengan ledakan perkembangan ilmu pengetahuan lebih-lebih lagi dalam era teknologi maklumat masa kini menuntut pembaharuan dan komitmen yang tinggi daripada ahli akademik dalam mendidik anak bangsa untuk menjadi insan yang berilmu, berakhlak mulia, berwibawa serta mempunyai jati diri dan mampu mempertahankan aqidahnya bagi menghadapi gelombang dan cabaran kehidupan.

Dalam kesempatan ini, saya ingin merakamkan syabas dan tahniah kepada para graduan di atas kejayaan mereka menamatkan pengajian di Universiti Islam Sultan Sharif Ali. Semoga para graduan akan bersedia menghadapi cabaran-cabaran dan perubahan mendatang dengan berlandaskan ilmu dan pengalaman sebagai pedoman. Gunakanlah segala ruang dan peluang yang ada untuk peringkatkan ilmu pengetahuan, kemahiran serta sahsiah diri untuk menuju jalan yang diberkati dan dirahmati.

DR HAJI NORARFAN BIN HAJI ZAINAL
Rektor
Universiti Islam Sultan Sharif Ali



TITAH

Petikan Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar `Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Sempena Majlis Hafl Al-Takharruj Ke-7 Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA), Negara Brunei Darussalam
Pada Hari Isnin, 25 Muharram 1439H bersamaan 16 Oktober 2017M.

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Alhamdulillah Rabbil 'Alameen, Wabihiee Nasta'eenu 'Alaa Umuuriddunya Wadden, Wassalaatu' Wassalaamu 'Ala Asyarafil Mursaleen, Sayyidina Muhammaddin, Wa' alaa Aalihee Wasahbihee Ajma'een, Waba'du. Alhamdulillah, Beta bersyukur ke hadrat Allah *Subhanahu wa Ta'ala* kerana dengan limpah rahmat-Nya jua dapatlah kita berhimpun di Majlis Hafl Al-Takharruj Kali Ke-7, Universiti Islam Sultan Sharif Ali pada pagi ini.

Mula-mula Beta merakamkan ucapan setinggi-tinggi tahniah dan syabas kepada para graduan kerana telah berjaya menamatkan pengajian masing-masing. Begitu juga, setinggi-tinggi tahniah dan penghargaan Beta kepada para ibu bapa, penjaga dan pensyarah di atas pengorbanan mereka, sehingga mampu untuk melahirkan para graduan yang berjaya. Seperti sama-sama dimaklumi, UNISSA pada tahun ini meraikan usianya yang ke sepuluh tahun. Sepanjang tempoh berkenaan UNISSA telah meraih banyak pencapaian sebagaimana dihasratkan.

Sesuai dengan usianya yang semakin matang, Beta berharap, UNISSA akan terus menyerlah selaku mercu tanda kegemilangan Islam di negara ini. Ini bermakna, UNISSA perlu untuk terus berkembang sejajar dengan perkembangan dan keperluan semasa. Maka sehubungan ini, Beta gembira mengetahui bahawa Pusat Kepimpinan dan Pembelajaran Sepanjang Hayat UNISSA telah memulakan operasinya. Beta melihat, pusat ini mampu untuk jadi pemangkin kepada pengayaan ilmu dan pemerkasaan kemahiran semua lapisan masyarakat, tanpa mengira usia.

Di samping itu, pusat ini juga tentu berupaya untuk memantapkan lagi profesionalisme para penjawat awam dengan menawarkan pelbagai kursus kepada mereka. Di sini, UNISSA perlu menyediakan pelan tindakan yang bersesuaian dengan keadaan ekonomi yang tidak menentu. Untuk itu, Beta menyambut baik inisiatif UNISSA dalam meningkatkan kualiti pengajian, penyelidikan dan urus tadbir serta penawaran program dan kursus-kursus baru yang bersesuaian. Beta optimis dengan perkembangan ini, ditambah lagi dengan kestabilan sosiopolitik negara, akan menjadikan UNISSA lebih berpotensi untuk menarik lebih ramai lagi pelajar dari dalam dan luar negara, dan sekaligus menjadikan UNISSA sebagai hab pusat pengajian Islam di rantau ini. Ikhtiar ke arah ini tidak syak lagi akan membuka peluang lebih luas untuk meningkatkan kebolehpasaran lulusan UNISSA. Sesungguhnya dengan pendedahan kepada pelbagai bidang ilmu dan kemahiran, pelajar UNISSA juga mampu untuk menjadi lulusan yang serba boleh, yang boleh berkhidmat di pelbagai sektor, termasuk juga menjadi usahawan yang berjaya.

Faktor inilah yang menjadikan UNISSA semakin dikenali di peringkat global serta menjadi idaman ramai pelajar-pelajar serantau dan antarabangsa untuk menjadikannya tempat pengajian mereka. Peningkatan kemasukan dan permohonan pelajar-pelajar antarabangsa pada setiap tahun ke UNISSA adalah petanda, bahawa UNISSA mempunyai keistimewaan tersendiri di mata luar. Beta turut mendokong usaha UNISSA untuk menarik lebih ramai pelajar antarabangsa bagi melanjutkan pengajian mereka di UNISSA sebagai salah satu sumbangan Kerajaan Beta kepada pembangunan ummah sejagat.

Akhirnya, Beta mengambil peluang untuk merakamkan ucapan setinggi-tinggi tahniah dan penghargaan kepada seluruh warga UNISSA yang meliputi Ahli-Ahli Majlis, Ahli-Ahli Senat, Rektor, Pegawai Utama, Ahli-Ahli akademik dan seluruh pegawai dan kakitangan Universiti di atas segala sumbangan dan khidmat bakti mereka. Semoga Allah *Subhanahu wa Ta'ala* jua yang akan membalas mereka dengan ganjaran yang berlipat ganda.

Sekian, *Wabillahir Taufeq Walhidayah, Wassalamu 'Alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.*



HAFIL AL-TAKHARRUJ KE-7



Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanah Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Canselor Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) berkenan berangkat menyempurnakan pengurniaan ijazah dan sijil kepada 182 graduan UNISSA semasa Majlis Hafil Al-Takharruj UNISSA Ke-7 yang telah berlangsung pada 25 Muharram 1439 bersamaan dengan 16 Oktober 2017 di Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas.

Berangkat sama ke majlis tersebut ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda (Dr) Haji Al-Muhtadee Billah, Pro-Canselor UNISSA.

Keberangkatan Baginda dijunjung oleh Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman selaku Pengerusi Majlis UNISSA dan Rektor UNISSA, Dr Haji Norarfan bin Haji Zainal.

Hafil Al-Takharruj 2017 telah menyaksikan seorang graduan menerima Ijazah Doktor Falsafah, 38 graduan Ijazah Sarjana, enam penerima Program Diploma Perundangan Islam dan Guaman Syari'e dan 14 penerima

Diploma Lepas Ijazah. Selain itu, 98 graduan menerima Ijazah Sarjana Muda, tiga Ijazah Khas Hafaz al-Quran 30 Juzuk, dua Ijazah Diploma Tertinggi Kebangsaan al-Dirasaat al-Islamiyyah dan 23 penerima sijil Barnamij al-Tarqiyah (Program Peningkatan) dan Sijil Sistem Keadilan Jenayah Syariah. Daripada jumlah tersebut, seramai empat graduan berjaya memperoleh Kepujian Kelas Pertama yang terdiri daripada Dayang Najwa Izzati binti Haji Isa dan Dayang Nur Hayati binti Haji Abas dari Program Sarjana Muda Bahasa Arab. Manakala Dayang Afeefah binti Haji Othman@Haji Awang Othman graduan Program Sarjana Muda Sains Dalam Kewangan Islam sementara Dayang Nur Rahimah binti Brahim, graduan Program Sarjana Muda Syariah (Fiqh dan Usul).

Fakulti Syariah dan Undang-Undang pada tahun ini buat kali kedua melahirkan seramai lapan graduan berjaya mengikuti Program Dwi Ijazah Sarjana Muda Undang-undang dan Sarjana Muda Perundangan Syariah yang mengambil masa pengajian selama lima tahun. UNISSA pada tahun ini juga menawarkan program di bawah Pusat Penyelidikan Halalan Tayyiban dan Fakulti Pengurusan Pembangunan Islam untuk mempelbagaikan lagi peluang kursus-kursus yang boleh diikuti untuk melahirkan generasi berpendidikan sesuai menyahut Wawasan Brunei 2035.







MAHRAJAN HAFL AL-TAKHARRUJ KE-7



His Royal Highness Prince (Dr) Haji Al-Muhtadee Billah ibni His Majesty Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, the Crown Prince and Senior Minister at the Prime Minister's Office, and Pro-Chancellor of Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) officially launched the 7th Mahrajan Hafl Al-Takharruj (convocation festival) on 18 Muharram 1439 corresponding to 9 October 2017 at the International Convention Centre (ICC) in Berakas.

His Royal Highness was greeted on arrival at the ICC by Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman, Minister of Education, and Dr Haji Norarfan bin Haji Zainal, Rector of UNISSA as Chairman of the Executive Committee for the 7th Mahrajan Hafl Al-Takharruj.

The ceremony began with a recitation of Surah Al-Fatihah and Doa led by Yang Berhormat Pehin Datu Imam Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Hamid bin Bakal.

After declaring the Mahrajan Hafl Al-Takharruj open in a sabda, His Royal Highness proceeded to tour an exhibition and to officiate the launching of the latest books published by UNISSA.

The books, written by UNISSA lecturers and

prominent members of the academic community, are hoped to be sources of reference for researchers and provide a wealth of reading material for the public.

His Royal Highness was then ushered to sign a memorabilia of Halalan Tayyiban Research Centre (PPHT). The newly established centre started its research programme in August 2017.

The gallery exhibition was participated by several departments and divisions under the Ministry of Religious Affairs (MoRA), including Islamic Legal Unit, Halal Food Control Division, Brunei Islamic Religious Council (MUIB), Family Advisory Service, Religious Enforcement Division and Syarie Prosecution Division.

The Attorney General's Chambers and the Syariah Courts, both under the Prime Minister's Office, and the Prisons Department under the Ministry of Home Affairs also participated in the 7th Mahrajan Hafl Al-Takharruj.

Before leaving the exhibition gallery, His Royal Highness consented to receive a pesambah - a dacing (weighing scale replica) made of copper - from the Rector of UNISSA.

The replica symbolises the theme of the 7th Mahrajan



Hafl Al-Takharruj, “Syariah Memperkasa Generasi Progresif dan Dinamik” or “Syariah Empowers a Progressive and Dynamic Generation”.

During the event, His Royal Highness also consented to mingle with UNISSA undergraduate students and lecturers.

Throughout the 7th convocation festival, several competitions and academic sessions were held, including a Legal Forum titled Cyber Crime, Tibb Nabawi Forum, Halal Forum, Do You Know Your Law Forum, Client Counselling Competition as well as a Legal Clinic and Halal/Zakat Clinic.

The 7th Mahrajan Hafl Al-Takharruj was co-organised

by the Student Affairs Division, and the Syariah and Law Faculty.

The event was held to enliven UNISSA’s Hafl Al-Takharruj ceremony, which is held annually to celebrate students who have successfully completed their studies. The event also highlighted the roles and contribution of UNISSA specifically to society in Brunei Darussalam and globally in general, particularly in the field of Syariah.


The activities held during the 7th Mahrajan Hafl Al-Takharruj also include performances, exhibitions and sales which were opened to the public from the 9th until the 15th October 2017.








Pelajar Sarjana Muda dan Diploma Sesi Pengajian 2018/2019



Pelajar Lepas Ijazah Sesi Pengajian 2018/2019



Jumlah Graduan UNISSA 2018



Program	2018
PhD	2
Sarjana	25
Sarjana Muda	131
Diploma Perundangan Islam dan Guaman Syar'ie	8
Diploma Lepas Ijazah	9
Diploma Tertinggi Kebangsaan al-Dirasat Islamiyyah	6
Sijil Sistem Keadilan Jenayah Syariah	12
Barnamij al-Tarqiyah	4
Sijil Khas Hafaz al-Quran 30 Juzuk	11
Jumlah Graduan	208



Unissa academic

Expatriates Academic Staff Nationalities

Malaysia		11
Indonesia		6
Egypt		6
Sudan		3
Thailand		2
Algeria		2
India		2
Nigeria		2
Canada		1
Mali		1
Tunisia		1
Singapore		1
Iraq		1
Uganda		1




Supporting Staff 2018

Posts	Total
Officers & Staff	63
Officers & Staff (Seconded)	13
Officers (I-Ready)	16
Staff (Daily Paid)	9
Staff (Part Time)	20
Total	121

Academic Staff 2018

Positions	Locals	Expatriates	Total
Senior Professor	0	1	1
Professor	0	7	7
Associate Professor	0	6	6
Senior Assistant Prof	0	4	4
Senior Lecturer	4	4	8
Assistant Professor	5	7	12
Lecturer	25	10	35
Assistant Lecturer	7	1	8
Tutor	4	0	4
Total			85

Academ-





Programs of-

MBBQ

- Mari Belajar Bahasa Al-Qur'an

PKBQ

- Kemahiran Bahasa Al-Qur'an

PTBQ

- Tatabahasa Bahasa Al-Qur'an


PMMQ

- Program Memahami dan Menghayati Al-Qur'an

Program

- Tadabbur Al-Qur'an





Workshop on How To Write High Impact Articles



10 Jamadilawal 1439/ 27 January 2018

Co-Organised by Centre for Research and Publication and Faculty of Islamic Development Management.
Facilitator: Prof. Dr Muhammad Syukri Salleh, Adjunct Professor, Faculty of Islamic Development Management.

Design and Development Research Methodology Workshop



8 Sya'ban 1439/ 24 April 2018

Organised by Centre for Research and Publication.
Facilitator: Dr Adam bin Haji Jait, Director of the Centre of Technology and Multimedia.

Workshop on Research Field Methodology



14 Jamadilawal 1439/ 31 January 2018

Co-Organised by Centre for Research and Publication and Faculty of Islamic Development Management.
Facilitator: Dr Khadijah binti Othman, Adjunct Associate Professor, Faculty of Islamic Development Management.

Online Jurnal Ar-Ra'iq Dilancarkan



Bengkel Pengurusan Jurnal dalam Open Journal System (OJS) telah dianjurkan oleh Pusat Penyelidikan dan Penerbitan (PPP) Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) pada 12-13 Ramadhan 1439 bersamaan dengan 28-29 Mei 2018 bertempat di Bilik Bankuet, Bangunan Pentadbiran UNISSA. Bengkel selama dua hari tersebut



telah disampaikan oleh Pengarah Penerbit Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), Profesor Madya Dr Roosfa Hashim. Pada majlis penutup bengkel berkenaan, tetamu kehormat iaitu Rektor UNISSA, Dr Haji Norarfan bin Haji Zainal telah merasmikan pelancaran Online Jurnal UNISSA iaitu 'Ar-Ra'iq' : *A Refereed International Biannual Journal UNISSA*'. Pihak UNISSA telah mula melakukan transformasi terhadap penerbitan jurnal ilmiahnya bagi menjadikan jurnal universiti ini *visible* dan mudah dilayari serta mempunyai nilai impak yang tinggi.



Ma'rad Al-Kutub UNISSA Galakan Budaya Ilmu



Suasana Ma'rad Kutub yang diadakan di Perpustakaan UNISSA.

Majlis Perasmian Ma'rad Al-Kutub (Pesta Buku) UNISSA telah diadakan pada 13 Jamadilawal 1439 bersamaan dengan 30 Januari 2018. Hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya merasmikan Ma'rad al-Kutub berkenaan ialah Rektor UNISSA, Dr Haji Norarfan bin Haji Zainal.

Majlis anjuran Perpustakaan UNISSA dan Pusat Penyelidikan dan Penerbitan tersebut berlangsung selama tiga hari bermula pada 30 Januari hingga 1 Februari 2018.

Majlis perasmian itu telah diselajurkan dengan pertukaran bahan terbitan antara UNISSA dan Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB).

Ma'rad Al-Kutub diadakan bersempena dengan 10 tahun penubuhan UNISSA yang antara lain bertujuan untuk menghidupkan lagi suasana perpustakaan dan menggalakkan budaya ilmu dalam kalangan pelajar dan tenaga akademik.

Sebanyak 10 agensi kerajaan dan empat agensi bukan kerajaan menyertai jualan buku, iaitu KUPU SB, Pusat Da'wah Islamiah, Pusat Sejarah, Pusat Pengajian Strategik dan Dasar (CSPS), Jabatan Mufti Kerajaan, Jabatan Muzium-Muzium, Dewan Bahasa dan Pustaka dan Pusat Standard Kebangsaan JPM, Al-Araby

Bookstore, Asfi Book World, Syarikat Seri Sikuna dan Umitech.

Juga hadir ialah Timbalan Rektor UNISSA, Dr Haji Mohammed Hussain bin Pehin Penyurat Haji Ahmad; Pemangku Timbalan Ra'es KUPU SB, Dr Abang Haji Hadzmin bin Abang Haji Taha; serta Pegawai-Pegawai Utama UNISSA dan KUPU SB.



Pertukaran bahan terbitan antara UNISSA dan Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB) yang diwakili oleh Pemangku Timbalan Ra'es KUPU SB, Dr Abang Haji Hadzmin bin Abang Haji Taha. (kanan).

UNISSA Tawar Pakej Buku Pesta Buku



Pihak Universiti Islam Sultan Sharif Ali iaitu UNISSA Press telah menyertai Pesta Buku Brunei 2018 anjuran Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan yang telah diadakan selama 10 hari bermula 11 hingga 20 Jamadilakhir 1439 bersamaan 27 Februari hingga 8 Mac 2018 bertempat di Stadium Tertutup, Kompleks Sukan Negara Hassanal Bolkiah Berakas.

Dalam Pesta Buku kali ini, UNISSA Press telah menawarkan jualan Pakej Buku termasuk mengadakan pakej wakaf buku untuk orang ramai.




Majlis Perasmian Pesta Buku Brunei dan Karnival Memperkasa Budaya Membaca 2018 telah diadakan pada 30 Jamadilawal 1438H bersamaan 27 Februari 2017. Hadir selaku tetamu kehormat pada majlis perasmian berkenaan ialah Yang Berhormat Awang Abdul Mutalib bin Pehin Orang Kaya Seri Setia Dato Paduka Haji Mohammad Yusof, Menteri Perhubungan.

Sesi Bincang-Bincang Buku Sempena Hari Buku Sedunia



Sesi Bincang-Bincang Buku sempena Hari Buku Sedunia telah dianjurkan oleh Pusat Penyelidikan dan Penerbitan (PPP) Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) pada 12 Sya'ban 1439 bersamaan dengan 28 April 2018 bertempat di Bilik Mesyuarat L1.2 UNISSA. Buku-buku yang dibincangkan dalam sesi tersebut ialah buku bertajuk '*Deposit Withdrawal Behaviour in Islamic Banking*'



oleh Dr Muhammad Abduh, pensyarah Universiti Brunei Darussalam (UBD), buku 'Kepedulian Masyarakat Brunei Darussalam Terhadap Bacaan Surah Al-Fatihah' oleh Dr Haji Shohibuddin Laming dan buku 'Al-Qira'ah Al-Arabiyyah li al-Naatiqin bi Ghairiha' oleh Dr Abuel Bashar Ali Adam, masing-masing merupakan pensyarah UNISSA.



UNISSA hosted 5th AICIF

His Royal Highness Prince (Dr) Haji Al-Muhtadee Billah ibni His Majesty Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, the Deputy Sultan and Pro-Chancellor of Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) consented to officially open the 5th ASEAN Universities International Conference on Islamic Finance (AICIF) on 24 Rabiulawal 1438 corresponding to 13 December 2017.

Upon arrival at the Royal Berkshire Hall of the Royal Brunei Polo and Riding Club, His Royal Highness, who is also the Chairman of the Board of Directors of Autoriti Monetari Brunei Darussalam (AMBD), was greeted by Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman, Minister of Education; Dr Haji Norarfan bin Haji Zainal, Rector of UNISSA; and Yusof bin Haji Abdul Rahman, Managing Director of AMBD.

The opening ceremony began with a recitation of Surah Al-Fatihah and Doa, led by Yang Berhormat Pehin Datu Imam Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Hamid bin Bakal.

This was followed by a welcoming address by the

Minister of Education in his capacity as the chairman of the event. Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi noted that the conference, organised by the Faculty of Islamic Economics and Finance, UNISSA supported by the Centre for Islamic Banking, Finance and Management (CIBFM), Brunei Darussalam; the Islamic Research and Training Institute (IRTI), Saudi Arabia and the Amanah Institute of Islamic Finance and Economics, Germany.

Following the minister's speech, His Royal Highness consented to deliver a sabda and afterwards, officially opened the conference. His Royal Highness consented to receive a pesambah in the form of a crystal flora vase adorned with the logo of the seven universities, the co-organisers of the 5th AICIF.

The co-organisers of the conference were IIUM, Universitas Islam Negeri Sunan Kalijaga, Jogjakarta, Indonesia; Universitas Islam Sultan Agung, Semarang, Indonesia; Universitas Darussalam Gontor, Indonesia; Mindanao State University, the Philippines; and Fatoni University, Thailand.



UNISSA dan KUIS Bincang Dakwah Dalam Pelancongan



Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA), melalui Bahagian Hal Ehwal Pelajar dan Fakulti Usuluddin dengan kerjasama Kolej Univeristi Islam Selangor (KUIS), Malaysia telah mengadakan forum yang bertajuk “Dakwah Dalam Pelancongan: Satu Pengamatan” pada 7 Zulkaedah 1438 bersamaan dengan 31 Julai 2017 bertempat di Auditorium, UNISSA.

Forum ini adalah pengisian dalam Program Kembara Ilmu dan Dakwah yang merupakan kali keempat dilaksanakan oleh mahasiswa Jabatan Dakwah dan Usuluddin, Fakulti Pengajian dan Peradaban Islam, KUIS. Melalui program ini pelajar dibimbing untuk mengendali sebuah program yang secara langsung mengasah sifat kepimpinan dan membentuk jati diri pelajar.

Forum berkenaan telah melibatkan ahli-ahli panel dalam kalangan pensyarah-pensyarah dalam bidang dakwah daripada kedua-dua institusi. Panel pertama ialah Ustazah Hajah Nurol Halimatul Wara' binti Haji Momin, Pensyarah Fakulti Usuluddin UNISSA dan yang kedua ialah Dr Zikmal Fuad bin Muhammad, pensyarah merangkap Penasihat Program Kembara Ilmu dan Dakwah, KUIS. Sementara moderator bagi forum ini adalah Dr Syarul Azman, Pensyarah Jabatan Dakwah dan Usuluddin, KUIS.

Halal Science Interaction Programme at UNISSA

Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA), through its Student Affairs Section and Halalan Thayyiban Research Centre held a ‘Halal Science Interaction Programme’ for its Halal Science students and students from Thailand’s Princess of Naradhiwas University (PNU) on 12 Zulkaedah 1438 corresponding to 5 August 2017.

The programme, held at the UNISSA Auditorium, was to strengthen the partnership between the two universities, which was formed through a Memorandum of Understanding (MoU), signed at PNU in Thailand on 28th March 2017.

A total of 46 PNU students, currently undergoing an Intensive English Proficiency Course under the Global Discovery Programme of Universiti Brunei Darussalam (UBD), were invited to UNISSA to attend the programme along with 26 UNISSA students.

The event served to introduce UNISSA’s recently established Halalan Thayyiban Research Centre (PPHT), led by Associate Professor Dr Nurdeng Deuraseh as the Centre’s Director.

The programme was hoped to be a turning point for organising joint programmes between the two universities in the future, as well as a platform for students of both universities to interact with each other in discussing and sharing knowledge.



Kolokium dan Seminar Peranan Perguruan Tinggi Islam Dalam Dinamika Membangun Peradaban Islam Melayu



Pembentangan Ucaptama daripada UNISSA dan UIN Raden Fatah Palembang



Peserta daripada UIN Raden Fatah Palembang, Indonesia

Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) melalui Fakulti Pengurusan Pembangunan Islam (FPPI) dan Pusat Pengajian Lepas Ijazah (PPLI) telah menyelaraskan aktiviti kerjasama dengan Program Pascasarjana, Universitas Islam Negeri (UIN) Raden Fatah Palembang, Indonesia dalam menganjurkan kolokium dan seminar yang bertemakan “Peranan Perguruan Tinggi Islam Dalam Dinamika Membangun Peradaban Islam Melayu” pada 4 Safar 1439 bersamaan dengan 24 Oktober 2017 bertempat di Auditorium, UNISSA.

Pembentang-pembentang ucaptama adalah terdiri daripada Prof. Dr Mahayuddin bin Haji Yahia dari UNISSA, dan dua pembentang daripada UIN Raden Fatah Palembang iaitu Prof. Dr Duski Ibrahim, M.Ag dan Prof. Dr H. Abdullah Idi, M.Ed.

Tetamu Kehormat di majlis berkenaan ialah Pemangku Rektor UNISSA, Dr Haji Mohammed Hussain bin Pehin Penyurat Haji Ahmad dan rombongan UIN Raden Fatah Palembang telah diketuai oleh Timbalan Rektor iaitu Dr Ismail Skukardi, M.Ag.

Antara objektif kolokium dan seminar ini diadakan ialah untuk memberikan pemahaman konsep peradaban Islam Melayu serta menggali kembali khazanah keilmuan dan kontribusi pemikiran dan peranan perguruan tinggi Islam dalam membangun peradaban Islam Melayu di



Ucapan alu-aluan yang disampaikan oleh Dekan Fakulti Pengurusan Pembangunan Islam (FPPI) UNISSA selaku Pengerusi Bersama Kolokium dan Seminar, Dr Shahrul Nizam bin Salahudin.

Nusantara, serta menjadi wadah aspirasi bagi kedua institusi pendidikan tinggi untuk menjalin dan membangun jaringan kerjasama.

Seramai 56 pembentang dan 14 penilai daripada pihak UNISSA dan UIN Raden Fatah Palembang menghadiri kolokium dan seminar tersebut.



Penguasaan Ilmu-Ilmu Syari'ah Perlu Dititikberatkan

Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) melalui Fakulti Usuluddin telah mengadakan ceramah umum yang disampaikan oleh Dr Husamuddin Farfour, Rektor Universiti al-Fath, Syria pada 25 Zulhijjah 1438 bersamaan dengan 16 September 2017 di Bilik Latihan L1.3, UNISSA.

Ilmu pengajian Syari'ah mendidik jiwa agar sentiasa patuh dan taat kepada perintah Allah Subhanahu wa Ta'ala dan RasulNya. Beliau juga menyentuh kepentingan untuk para pelajar pengajian Islam menguasai Bahasa Arab. Ini jelas menurut beliau kerana ia sangat signifikan sebagai wadah untuk memahami bidang disiplin ilmu Syari'ah lainnya yang mana sumber asalnya adalah dalam Bahasa Arab. Tidak ketinggalan di akhir ceramah, beliau membicarakan mengenai *Maqasid al-Syari'ah*. Ceramah berkenaan telah dihadiri oleh para pensyarah dan para pelajar khususnya pelajar-pelajar di Fakulti Usuluddin, UNISSA.



Dr Husamuddin Farfour, Rektor Universiti al-Fath, Syria.



Dr Sayyed Abdul Hamid bin Ali Al Mahdaly (kiri) memberikan pandangan semasa ceramah umum berkenaan.

Persidangan Antarabangsa Pengajaran Bahasa Arab dan Pengajian Islam Dalam Dunia Islam (ICAIS)



Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) bersama dengan Rabithah al-Jami'at al-Islamiyyah, Mesir dan Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB) telah mengadakan Persidangan Antarabangsa Pengajaran Bahasa Arab dan Pengajian Islam Dalam Dunia Islam (ICAIS) pada 21-22 Zulhijjah 1438 bersamaan 13-14 September 2017.

Persidangan dua hari itu telah dirasmikan oleh Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib

Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman.

Hari pertama persidangan telah diadakan di Auditorium UNISSA manakala pada hari kedua pula telah diadakan di KUPU SB. Seminar ICAIS yang membawa tema 'Peranan Universiti dalam Memajukan Pengajaran Bahasa Arab dan Pengajian Islam' itu bertujuan bagi bertukar-tukar pengalaman dan pendapat antara tenaga pengajar pengajian Islam dan Bahasa Arab di samping

MINI SEMINAR MANUSKRIP AL-QURAN NUSANTARA



Delegasi Lajnah Pentashihan Mushaf al-Quran bersama Jawatankuasa Meneliti dan Menyemak Penulisan Mushaf UNISSA.

Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) melalui Fakulti Usuluddin (FU) buat pertama kalinya telah mengadakan “Mini Seminar Manuskrip Al-Quran Nusantara” pada 9 Muharram 1439 bersamaan dengan 30 September 2017 di Auditorium, UNISSA.

Turut ikut serta dalam seminar ini ialah delegasi daripada Lajnah Pentashihan Mushaf al-Quran (LPMQ), Kementerian Agama Republik Indonesia, yang diketuai sendiri oleh Pengganti Sementara (Pgs) Kepala LPMQ iaitu Dr Muchlis M. Hanafi.

Sebanyak lima kertas kerja dibentangkan dalam mini seminar tersebut. Dua diantaranya dibentangkan oleh tenaga akademik FU bertajuk ‘Perhatian Kerajaan Brunei Darussalam terhadap Penulisan Mushaf’ yang dibentangkan oleh Dr Gumaa Ahmad Himmad Adam dan Penulisan Mushaf UNISSA yang disampaikan oleh Dr Haji Ahmad Baha bin Mokhtar.

Pembentang-pembentang daripada LPMQ, Kementerian Agama Republik Indonesia pula menyampaikan tiga kertas kerja dengan tajuk “Signifikansi Kajian Mushaf Nusantara” yang disampaikan oleh ketua Lajnah Pentashihan Mushaf al-Quran, Kementerian Agama Republik Indonesia iaitu Dr Mukhlis M Hanafi, “Karakteristik Mushaf Kuno



Dr Haji Norarfan bin Haji Zainal (kiri), Rektor UNISSA menerima cenderahati kenangan daripada Pengganti Sementara (Pgs) Kepala Lajnah Pentashihan Mushaf al-Quran, Dr Muchlis M. Hanafi.



Nusantara” oleh Muhammad Musadad dan “Kajian Ulumul Quran dalam Mushaf Nusantara” oleh Ahmad Jaeni.

Melalui mini seminar berkenaan, antara lain bertujuan untuk mengkaji koleksi manuskrip al-Quran Nusantara dan memaparkan hasil kajian tentang aspek-aspek Mushaf Nusantara yang berkaitan dengan ragam iluminasi, kaligrafi, *qiraat* dan aspek lainnya. Melalui mini seminar ini juga, ianya diharap akan dapat mengembangkan lagi kajian-kajian terhadap manuskrip al-Quran yang ada di nusantara.





Pemeriksaan Umat Progresif melalui *"Tib Nabawi"*



Ahli panel terdiri daripada pensyarah UNISSA dan penceramah Pusat Dakwah Islamiah.

Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) telah mengadakan Forum Tib Nabawi/Perubatan Islam bertajuk "Memperkasa Umat Yang Progresif Melalui *Tib Nabawi*" sempena Mahrajan Hafl Al-Takharruj Ke-7. Forum tersebut telah diadakan pada 20 Muharram 1439 bersamaan dengan 11 Oktober 2017 di Dewan Persidangan, Pusat Persidangan Antarabangsa Berakas.

Seramai 200 orang telah menghadiri forum berkenaan yang terdiri daripada pada pensyarah dan pelajar UNISSA serta orang awam.

Forum tersebut telah disampaikan oleh Penasihat Akademik UNISSA, Profesor Emeritus Dato Dr Sayyed Muhammad Aqiel Al-Mahdaly, Al-Habib Dr Sayyed Abdul Hamid Al-Mahdaly, dan panel jemputan Ustaz Haji Anwari bin Haji Rawee, Penceramah Pusat Dakwah Islamiah.

Forum ini antara lain bertujuan untuk memberi pendedahan tentang keistimewaan dan kepentingan *Tib Nabawi* atau Perubatan Islam yang bersumberkan penyembuhan mengikut sunnah Rasulullah *Sallallahu 'alaihi wasallam*.



Pensyarah dan Pelajar UNISSA serta masyarakat awam yang ikut hadir.

SAPLI 2017 Fokus Isu Membangun Ummah Melalui Penyelidikan



Tenaga akademik UNISSA menyertai pembentangan seminar SAPLI2017.

Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) dan Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS) telah bekerjasama dalam penganjuran Seminar Antarabangsa Pengajian Lepas Ijazah 2017 Kali Ke-4 (SAPLI 2017) yang berlangsung pada 12 - 13 Safar 1439 bersamaan dengan 1 - 2 November 2017 bertempat di Hotel De Palma, Shah Alam, Selangor, Malaysia.

Salah satu pembentangan ucapatama dalam seminar berkenaan telah disampaikan oleh Dr Hajah Rose binti Abdullah, Pengarah Pusat Penyelidikan dan Penerbitan (PPP) selaku wakil Rektor UNISSA dengan tajuk "*Pembangunan Ummah Melalui Penyelidikan Di Brunei Darussalam*".



Pembentangan ucapatama oleh Dr Hajah Rose binti Abdullah, Pengarah PPP, wakil Rektor UNISSA.

Seramai enam orang tenaga akademik UNISSA turut sama menyertai pembentangan seminar yang terdiri daripada Prof. Madya Dr Nurdeng Deuraseh, Dr Sohiebuddin Lameng, Dr Hajah Rasinah binti Haji Ahim, Dr Hajah Sarinah binti Haji Yahya dan Dr Hajah Sri Rahayu@Nurjanah binti Haji Dollah.

SAPLI 2017 telah berjaya mengumpulkan sebanyak 80 kertas kerja yang dibentangkan. Penyertaan terdiri daripada Malaysia, Indonesia, Thailand dan juga Negara Brunei Darussalam yang diwakili oleh UNISSA, UBD dan KUPU SB.



Resolusi Multaqa Pendidikan Bahasa Arab di Peringkat Universiti di Negara Brunei Darussalam



Timbalan Menteri Pendidikan, Yang Mulia Pengiran Dato Paduka Haji Bahrom bin Pengiran Haji Bahar ketika memberi ucapan semasa perasmian Multaqa Pendidikan Bahasa Arab.

Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) melalui Fakulti Bahasa Arab (FBA) dengan kerjasama Pertubuhan Islam Dalam Bidang Pendidikan, Sains dan Kebudayaan (ISESCO) serta Penerbitan Granada dan Khidmat Pendidikan telah menganjurkan Multaqa Pendidikan Bahasa Arab di peringkat universiti di Negara Brunei Darussalam dengan tajuk "Mengaplikasi Pendekatan Sistem Pendidikan Moden Dan Penggunaan Teknologi Pengajaran: Ke Arah Peningkatan Holistik Dalam Pengajaran Bahasa Arab Bagi Bukan Penuturnya".

Multaqa tersebut telah diadakan pada 22 - 24 Rabiulawal 1439 bersamaan dengan 11-13 Disember 2017 di Auditorium UNISSA dan telah dihadiri oleh 41 orang peserta.

Resolusi hasil multaqa, antaranya: menggalakkan pelaksanaan seminar, multaqa, muktamar, yang mengambil berat isu-isu pengajaran bahasa Arab di rantau Asia Tenggara secara khas; peri pentingnya mewujudkan mimbar antarabangsa menghimpunkan segenap tenaga pengajar bahasa Arab bagi yang bukan Arab, yang bertebaran di penjuru dunia. Mimbar ini bergiat menyatukan upaya dalam lapangan pengajaran Bahasa Arab bagi bukan penutur Arab.



Dr Siti Sara binti Haji Ahmad, Dekan Fakulti Bahasa Arab UNISSA selaku Pengerusi Multaqa menyampaikan kata alu-aluan di majlis berkenaan.



Kefahaman Tentang Kesukarelawan dan Isu-Isu Kemanusiaan

Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) melalui Bahagian Hal Ehwal Pelajar (HEP) dan Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) telah mengadakan Kuliah Khas Kesukarelawan dan Isu-Isu Kemanusiaan pada 25 Rabiulawal 1439 bersamaan dengan 14 Disember 2017 di Auditorium, UNISSA.

Kuliah Khas di majlis ini disampaikan oleh Haji Mohd Azmi Bin Abdul Hamid, Presiden Majlis Perundingan Pertubuhan Islam Malaysia (MAPIM). Beliau menekankan tentang sifat tidak ketentuan yang sering berlaku dalam kehidupan kita seharian sama ada dalam hubungan yang berkaitan dengan konflik kehidupan dan politik. Beliau juga banyak berkongsi pengalaman dalam membantu isu-isu kemanusiaan seperti di negara Bangladesh, Myanmar dan juga Palestin secara sukarelawan.



Yang Mulia Haji Mohd Azmi Bin Abdul Hamid, Presiden Majlis Perundingan Pertubuhan Islam Malaysia (MAPIM).

Tetamu Kehormat bagi majlis tersebut ialah Dr Haji Norarfan bin Haji Zainal, Rektor UNISSA. Turut sama hadir di majlis berkenaan Yang Mulia Dr Arman bin Haji Asmad, Pemangku Timbalan Rektor, Pegawai-Pegawai Utama UNISSA dan hampir 150 tenaga akademik dan pelajar mendengarkan kuliah khas ini.

Sharing Session Pelajar Pasca Siswazah UNISSA dan UiTM



Dalam usaha merapatkan jurang antara pihak penyelaras Pengajian Lepas Ijazah (PPLI) dengan para pasca siswazah, taklimat melalui *Sharing Session* telah diadakan pada 22 Rabiulakhir 1439 bersamaan dengan 9 Januari 2018 bersama calon-calon pasca siswazah UNISSA. Antaranya ialah sesi penerangan dan soal jawab antara PPLI dengan pelajar baru pasca siswazah dalam usaha memberi maklumat mengenai peraturan,

hal ehwal akademik dan proses serta tanggungjawab yang perlu diketahui dan diikuti oleh pelajar sepanjang pengajian di UNISSA. Sementara itu, kunjungan pelajar pasca siswazah daripada Universiti Teknologi MARA (UiTM) Malaysia pada 18 Jamadilakhir 1439 bersamaan 6 Mac 2018 telah memberi kesempatan pertukaran idea dan maklumat antara UNISSA dan delegasi UiTM.

Sesi Kongsi Sama “University Management”

Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) telah mengadakan satu sesi kongsi sama yang memfokuskan mengenai “*University Management*” yang telah disampaikan oleh Yang Bahagia Prof. Dato’ Sr. Dr Omar Osman, Mantan Naib Canselor Universiti Sains Malaysia (USM) dan Prof. Dr Muhammad Syukri Salleh, Profesor Adjung Fakulti Pengurusan Pembangunan Islam (FPPI), UNISSA. Sesi kongsi sama ini merupakan program susulan selepas sesi *retreat* bagi pegawai-pegawai utama UNISSA yang telah diadakan pada 20 Januari 2018 yang lalu.



Prof. Dr. Muhammad Syukri Salleh, Profesor Adjung Fakulti Pengurusan Pembangunan Islam (FPPI), UNISSA.



Gambar kanan: Yang Bahagia Prof. Dato’ Sr. Dr. Omar Osman, Mantan Naib Canselor Universiti Sains Malaysia (USM) semasa sesi kongsi sama bersama pegawai-pegawai utama UNISSA.

Perbincangan Meja Bulat UNISSA bersama UNAIR dan UNPAB

Hasil kunjungan lawatan delegasi daripada Indonesia, Universitas Airlangga (UNAIR) pada 5 Jamadilawal 1439 bersamaan 22 Januari 2018 dan Universitas Pembangunan Panca Budi (UNPAB) pada 15 Jamadilakhir 1439 bersamaan 3 Mac 2018, telah berlangsung Perbincangan Meja Bulat (*Discussion Round Table*) dengan delegasi yang diterajui oleh Pusat Pengajian Lepas Ijazah (PPLI) UNISSA. Antara tajuk yang dibentangkan ialah “Analisis Hukum Nikah Liar Ditinjau dari Pandangan Ulama di Aceh, Indonesia”, “Strategi Bisnes untuk Usaha Mikro dan Kecil” dan “*Animal Welfare*” daripada wakil delegasi. Sementara dari pihak UNISSA, dua kertas telah dibentangkan menyentuh tentang Perundangan Islam di Brunei Darussalam yang disampaikan oleh Profesor Dr Haji Abdul Mohaimin bin Nordin Ayus, Profesor Fakulti Syariah dan Undang-Undang dan Dr Haji Abdurrahman Raden Aji Haqqi, Ketua Program Lepas Ijazah, UNISSA.



Talk On Thesis Writing Anjuran Pusat Pengajian Lepas Ijazah

Pusat Pengajian Lepas Ijazah telah menganjurkan beberapa siri ceramah atau “*Talk on Thesis Writing*” bagi pelajar pasca siswazah UNISSA. Aktiviti ilmiah ini sebagai alternatif perkongsian ilmu, kaedah, teknik dan tips penulisan kepada pelajar pasca.



Dua sesi ceramah telah disampaikan oleh Prof Dr Muhamad Syukri Salleh, Prof Adjung Fakulti Pengurusan Pembangunan Islam UNISSA pada 8 Jamadilawal 1439 bersamaan 25 Januari 2018. Tajuk “*Construction of Research Topics*” telah disampaikan pada sesi pertama dan diikuti dengan sesi kedua dengan tajuk “*First Impression & Ingredients of Thesis*”.



Dr Isa Hamzah, Penolong Profesor, Fakulti Penyelidikan UKM sedang memberikan penjelasan tentang kaedah penulisan tesis.

Sementara sesi ceramah ketiga telah disampaikan oleh Dr Isa Hamzah, Penolong Profesor di Fakulti Penyelidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) pada 3 Februari 2018. Ceramah setengah hari itu membincangkan tajuk mengenai “*Qualitative Research, Advantage Research, Obstacles & A Way Forward For Islamic Studies*”.



International Seminar On Islamic Economics



Kertas kerja bertajuk “*The Position Of Islamic Economics In Solving The Global Economic Problems (The Role Of The Actors)*” telah dibentangkan oleh Yang Mulia Dr Shereeza binti Mohamed Saniff, Pensyarah Fakulti Pengurusan Pembangunan Islam pada 19 Jamadilawal 1439 bersamaan dengan 5 Februari 2018 bertempat di Gbhn Room, House of Representatives of Republic of Indonesia. Persidangan ‘*International Seminar On Islamic Economics: Islamic Economic System In Answering Global Economic Challenge*’ ini adalah anjuran Sekolah Tinggi Ilmu Ekonomi Hidayatullah Depok, Indonesia.

Fiqh Teknologi Penternakan dan Penghasilan Produk Hiliran Madu Kelulut



Fakulti Syariah dan Undang-Undang UNISSA dengan kerjasama Fakulti Kejuruteraan Kimia dan Sumber Asli, Universiti Malaysia Pahang telah mengadakan satu perbincangan mengenai ‘Fiqh Teknologi Penternakan dan Penghasilan Produk Hiliran Madu Kelulut’ pada 14 Jamadilawal 1439 bersamaan 31 Januari 2018 di Bilik Latihan L1.3, UNISSA. Satu pembentangan telah disampaikan oleh Prof. Ir. Ts. Dr. Haji Ahmad Ziad Sulaiman dalam perbincangan tersebut.

Keusahawanan Menyumbang Pertumbuhan KDNK



Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ali bin Haji Apong, Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan.

Kuliah Khas Melayu Islam Beraja (MIB) anjuran Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa (PPIB), Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) telah diadakan pada 28 Jamadilawal 1439 bersamaan dengan 14 Februari 2018 bertempat di Auditorium UNISSA.

Kuliah Khas Melayu Islam Beraja (MIB) bertajuk “Keusahawanan Menyumbang Pertumbuhan KDNK Demi Mencapai Wawasan 2035” membicarakan mengenai kepentingan menceburkan diri dalam keusahawanan sebagai langkah untuk menyumbang ke arah pertumbuhan KDNK demi mencapai wawasan 2035. Kuliah Khas berkenaan telah disampaikan oleh Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ali bin Haji Apong, Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan. Kuliah Khas Melayu Islam Beraja itu telah dipengerusikan oleh Dr Adam bin Jait, Pengarah Pusat Teknologi dan Multimedia.

Halalan Thayyiban Research Centre held an Academic Sharing Session

Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA), through Halalan Thayyiban Research Centre held a knowledge sharing session titled ‘How to Romanize Hadith on Halal and Haram for Academic Purpose?’ at M1.8 Lecture Room, UNISSA for UNISSA students on 3 Jamadilakhir 1439 corresponding to 19 February 2018. A total 27 participants attended the programme. The programme was held in order to explain the use of transliteration in academic writing. Practical session was also conducted with the help of industrial training students from UiTM to help participants to romanize Arabic easily. It was hope that this program will help participants to apply transliteration in their academic writing.





Bengkel Program Berdakwah di Hospital



Program Berdakwah di Hospital merupakan program kolaborasi antara pelajar-pelajar Fakulti Usuluddin dengan Unit Keagamaan, Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha (RIPAS). Program tersebut diadakan untuk membantu dan mengajar pesakit-pesakit tentang cara-cara berwudhu, tayammum dan solat mengikut keadaan-keadaan tertentu. Bengkel Berdakwah di Hospital telah diadakan pada 5 Jamadilakhir 1439 bersamaan dengan 21 Februari 2018 dan disampaikan oleh wakil daripada Unit Keagamaan, Hospital RIPAS. Bengkel tersebut memberikan penerangan dan menunjukkan cara-cara berwudhu, tayammum dan solat mengikut keadaan-keadaan tertentu kepada para pelajar sebelum mereka mengikuti program berdakwah di hospital.

‘Halal Index Management for Commercialised Purpose’ at UNISSA

Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA), through Halalan Thayyiban Research Centre held a knowledge sharing session titled ‘Halal Index Management for Commercialised Purpose’ at Computer Lab 1, UNISSA for public and students on 27 Jamadilawal 1439 corresponding to 13 February 2018. A total of 58 people attended the programme. The programme was held in order to encourage participants to use the index in their writing. Practical sessions in how to use the index were also held with the help of industrial training students from UiTM.



Sesi bergambar ramai bersama Pegawai-Pegawai BKM.H.

Kunjungan PPHT ke Bahagian Kawalan Makanan Halal

Pusat Penyelidikan Halalan Thayyiban (PPHT), UNISSA telah berkunjung ke Bahagian Kawalan Makanan Halal (BKM.H), Jabatan Hal Ehwal Syariah, Kementerian Hal Ehwal Ugama di Bandar Seri Begawan pada 15 Jamadilakhir 1439 bersamaan 3 Mac 2018. Rombongan terdiri daripada tiga orang kakitangan PPHT dan tiga orang pelajar UiTM yang sedang menjalani latihan industri di PPHT. Lawatan ini bertujuan untuk mendedahkan pelajar tersebut kepada Jabatan yang bertanggungjawab mengenai kawalan makanan halal di Negara Brunei Darussalam, garis panduan dan prosedur halal serta seterusnya mengetahui tentang cara permohonan baru yang berkenaan dengan status halal.

Seminar Antarabangsa Muamalat dan Kewangan Islam-Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS)

Pada 18 Jamadilakhir 1439 bersamaan dengan 6 Mac 2018, Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) melalui Fakulti Ekonomi dan Kewangan Islam dengan kolaborasi bersama Universiti Teknologi Mara (UiTM) telah mengadakan Seminar Antarabangsa Muamalat dan Kewangan Islam Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS). Seminar berkenaan telah berlangsung di Bilik Latihan L1.3, UNISSA.



Penghayatan Islam di Brunei



Siri Kuliah Khas Melayu Islam Beraja (MIB) anjuran Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa (PPIB), Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) telah diadakan pada 17 Rejab 1439 bersamaan dengan 4 April 2018 bertempat di Auditorium

UNISSA. Dengan tajuk "Sejarah Kedatangan Islam Di Negara Brunei Darussalam", kuliah berkenaan telah disampaikan oleh Yang Mulia Pengiran Dato Seri Setia Dr Haji Mohammad bin Pengiran Haji Abdul Rahman.

Yang Mulia Pengiran Dato Seri Setia Dr Haji Mohammad menjelaskan semenjak kemasukan Islam ke Brunei Darussalam lebih enam abad yang lalu, penghayatan Islam sangat menonjol dari segi ibadah, dakwah Islamiah, budaya, seni, sosial, ekonomi, permakanan, pendidikan, perundangan, perlembagaan, perubahan, ketenteraan, patriotisme, dan sebagainya.

Halal Awareness on Harmonizing of Halal Standard



Halalan Thayyiban Research Centre (PPHT) held a knowledge sharing session at Room L1.2, UNISSA on 22 Rejab 1439 correspondence to 9 April 2018. This session entitled "Halal Awareness on Harmonizing of Halal Standard" was presented by the Director of PPHT, Associate Prof. Dr Nurdeng Deuraseh and Dayang Raihana binti Mohd Raffi. The session involved a discussion on the harmonization of halal standards in MABIMS countries.

Negara Melayu Islam Beraja: Sejarah dan Kelangsungan

Kuliah Khas MIB bertajuk “Negara Melayu Islam Beraja: Sejarah dan Kelangsungan” telah disampaikan oleh Dr. Haji Muhammad Hadi bin Muhammad Melayong, Pegawai Tugas-Tugas Khas Kanan di Pejabat Sekretariat Majlis Tertinggi MIB yang diadakan pada 2 Sya’ban 1439 bersamaan dengan 18 April 2018 di Dewan Jubli, Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA). Kuliah Khas tersebut membicarakan mengenai kepentingan penyebaran dan pengukuhan Negara Melayu Islam yang Merdeka, Berdaulat dan



Demokratik, untuk mencapai Wawasan 2035. Kuliah itu telah dipengerusikan oleh Dr Shohibuddin bin Haji Laming, Pensyarah Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa (PPIB), UNISSA.

Maqasid Syariah Pemangkin Negara Makmur

Pusat Penyelidikan Mazhab Syafi’i (PPMS), UNISSA telah mengadakan Seminar Kebangsaan Mazhab Syafi’i pada 5 Sya’ban 1439 bersamaan 21 April 2018 bertempat di Dewan Auditorium, UNISSA.

Seminar ini berhasrat untuk memberikan kefahaman yang mendalam tentang Maqasid Syariah dan isu-isu mengenainya dalam pelbagai aspek amali. Selain itu juga, untuk memelihara kewujudan dan memastikan Islam berlandaskan pandangan Mazhab Syafi’i sebagai pegangan mazhab di Negara Brunei Darussalam dan aliran mazhab lainnya sebagai mazhab Ahli Sunnah Wal-Jamaah akan terus utuh.

Hadir selaku tetamu kehormat Seminar Kebangsaan ialah Timbalan Mufti Kerajaan, Jabatan Perdana Menteri, Yang Mulia Dato Seri Setia Dr Haji Japar bin Haji Mat Dain @ Maidin. Turut hadir bersama ialah Rektor UNISSA, Dr Haji Norarfan bin Haji Zainal.



Pembentangan Ucaptama disampaikan oleh Yang Berbahagia Dato (Dr) Nooh bin Haji Gadot, Penasihat Majlis Agama Islam Negeri Johor, Malaysia, dengan tajuk “Maqasid Syariah: Amalan Negara Madinah Sebagai Motivasi Kepada Negara Islam Kontemporari”.

Di antara kertas lain ialah “Maqasid Syariah Sebagai Landasan Penerapan Dalam Institusi Kewangan Islam Di Negara Brunei Darussalam” oleh Pengarah PPMS UNISSA, Dr Azme bin Haji Matali diikuti dengan pembentangan daripada Pensyarah Kanan Fakulti Syariah dan Undang-Undang, UNISSA, Dr Haji Abdurrahman Raden Aji Haqqi dengan tajuk “Maqasid Syariah Dalam Pelaksanaan Perintah Kanun Hukuman Jenayah Syariah 2013” dan terakhir daripada Pegawai Pemerintah Daerah Polis Temburong, Supt Haji Azree bin Haji Abd Manaf dengan tajuk “Maqasid Syariah Dalam Konteks Menjaga Keamanan Negara”.





UNISSA dan AMBD Bincang Isu Wakaf

Fakulti Ekonomi dan Kewangan Islam (FEKIm), UNISSA dengan kerjasama Autoriti Monetari Brunei Darussalam (AMBD) telah mengadakan Perbincangan Meja Bulat Wakaf (RTDW) sebanyak dua siri, iaitu siri pertama pada 25, 26 dan 28 April 2018 sementara siri kedua pada 9, 10 dan 12 Mei 2018.

Hadir dalam siri RTDW tersebut ialah wakil-wakil dari Jabatan Mufti Kerajaan, Jabatan Peguam Negara (AGC), Jabatan Perancangan Bandar dan Desa, Tabung Amanah Pekerja (TAP), Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (YSHHB), Persekutuan Pengakap Negara Brunei Darussalam (PPNBD), AMBD, BIBD, TAIB, Universiti Brunei Darussalam (UBD), UNISSA, dan Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB). Ianya juga turut dihadiri oleh wakil-wakil agensi swasta dan NGOs.



Inisiatif UNISSA dan AMBD dalam mengadakan RTDW ini telah mencapai sasaran objektifnya apabila berhasil mewujudkan satu cadangan pelan tindakan memperkasa dan mengarusperdanakan wakaf sebagai salah satu mekanisme kewangan Islam yang unggul dan penting dalam merealisasikan Wawasan Brunei 2035, sama ada dalam jangka masa pendek, sederhana, dan panjang.



Berkesudian hadir dalam salah satu siri pembentangan dan perbincangan kertas kerja RTDW tersebut ialah Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr) Awang Haji Abu Bakar bin Haji Apong, Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri. Juga turut hadir dalam siri yang berasingan ialah Dr Haji Norarfan bin Haji Zainal, Rektor UNISSA bersama Pegawai-Pegawai Eksekutif UNISSA yang lainnya.

Kolokium Antarabangsa Syariah dan Undang-Undang



Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) melalui Fakulti Syariah dan Undang-Undang (FSU) telah mengadakan Kolokium Antarabangsa Syariah dan Undang-Undang pada 7 Sya'ban 1439 bersamaan 23 April 2018 bertempat di Auditorium UNISSA.



Halal Industry Sustainability through Business Excellence

On 1st May 2018 equivalent of 15 Syaaban 1439, Halalan Thayyiban Research Centre (PPHT) held a knowledge-sharing session between Universiti Islam Sultan Sharif Ali and Universiti Sains Islam Malaysia at L1.3 Training Room, UNISSA with the theme "Halal Industry Sustainability through Business Excellence". This knowledge-sharing session is one of UNISSA-USIM's matching grant research activities.



Presenters from UNISSA were the Director of PPHT, Associate Prof. Dr Nurdeng Deuraseh, with a paper entitled "Halal Slaughtering Business for Global Reach" and Dayang Nor Surilawana bte Haji Sulaiman whose topic was "Striving for Excellence in Halal Business". Meanwhile, presenters from USIM consisted of Dr Norailis Ab. Wahab, with a paper entitled "Matching Industry and Halal Market Needs" and Dr Rosnia Masruki who presented a paper on "Challenges and Hopes for Halal Business Excellence towards Sustainability".

Fadhilat Al-Imam Al-Akbar Bangkit Isu Hadapi Ancaman Keganasan

Ceramah khas bertajuk "Cabaran Umat Islam Dalam Menghadapi Ancaman Keganasan" yang disampaikan oleh Fadhilat Al-Imam Al-Akbar Profesor Dr Ahmed Muhammad Ahmed Al-Tayeb Sheikh Al-Azhar Al-Syarif telah diadakan pada 21 Sya'ban 1439 bersamaan dengan 7 Mei 2018 di Dewan Plenari, Pusat Persidangan Antarabangsa (ICC), Berakas. Ia adalah merupakan anjuran Kementerian Hal Ehwal Agama (KHEU) dengan kerjasama Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) dan Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri



Begawan (KUPU SB).

Turut hadir pada ceramah tersebut ialah Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Pengiran Dato Seri Paduka Haji Bahar bin Pengiran Haji Bahar; Rektor UNISSA, Dr Haji Norarfan bin Haji Zainal; Pemangku Ra'ees KUPU SB, Dr Haji Adanan bin Haji Basar dan Pengarah Jabatan Pengajian Islam, Dayang Hajjah binti Haji Moktal selaku pengerusi bersama majlis.

Ceramah berkenaan telah dihadiri oleh Menteri-Menteri Kabinet, Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Duta-Duta dan wakil dari kedutaan besar dan perwakilan asing di negara ini didahului dengan bacaan ayat suci Al-Quran oleh johan Musabaqah Tilawah Al-Quran Belia Asia Tenggara 2017, Awang Ahmad Zulvaqar bin Suhaili.



Ceramah yang dihadiri lebih kurang 2,000 orang yang terdiri daripada para pegawai dan kakitangan KHEU, para pensyarah, pelajar UNISSA dan KUPU SB serta orang ramai itu turut menyaksikan perasmian Penubuhan Rabithah Antarabangsa Alumni Universiti Al-Azhar cawangan Brunei Darussalam.



Halal and Kosher: Dietary Management and Laws

Halalan Thayyiban Research Centre (PPHT) held a knowledge-sharing session at the L1.3 Training Room, UNISSA on 29 Syaaban 1439 equivalent to 15 May 2018. The session was titled "Halal and Kosher Dietary Management and Laws" and was presented by Dr Zeiad Amjad Abdulrazzak. The session discussed on the similarities and differences between halal and kosher food, particularly the dietary laws and the slaughtering processes.



Mini Seminar Kaedah Pengajaran Al-Qur'an Kepada Anak-Anak Autisma

Mini Seminar "Pengenalan Kaedah Pengajaran Al-Quran Bagi Anak-Anak Autisma" julung-julung kalinya diadakan oleh Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) bersama syarikat Clarity Sdn Bhd. Program tersebut adalah antara pengisian sempena Lawatan Program Pendidikan Khas Integrasi, Sekolah Menengah Kebangsaan, Gudang Rasau, Kuantan, Pahang, Malaysia ke UNISSA pada 3 Zulkaedah 1439 bersamaan 16 Julai 2018.

Rombongan ini terdiri daripada Pegawai Pendidikan Negeri, Daerah, Pengetua sekolah, ibubapa dan pelajar-pelajar. Mereka juga adalah terdiri daripada pegawai-pegawai yang telah lama berpengalaman mendidik golongan berkeperluan khas. Mini seminar ini disampaikan oleh Dr Ahmad Baha' bin Mokhtar, Pensyarah di Fakulti Usuluddin, UNISSA dan Encik Zainul Abidin bin Isahak, Kounselor dan Jurulatih Kanak-Kanak Autisme, Syarikat Clarity Sdn Bhd. Pembentang mini seminar ini mendedahkan tentang kepentingan dan pengenalan kaedah pengajaran al-Quran bagi anak-anak autisme dan bagaimana cara melaksanakannya secara praktikel.

Tanggapan masyarakat yang mengatakan mereka adalah "anak-anak syurga" yang tidak mukallaf adalah kurang tepat. Kerana terdapat sebahagian daripada golongan ini berpotensi untuk menjadi matang seperti anak-anak lain melalui latihan-latihan tertentu. Maka ibu bapa bagi golongan ini perlulah menyediakan anak mereka asas-asas fardu ain bagi persediaan untuk mereka menjadi seorang yang mukallaf. Mini seminar ini diakhiri dengan demontrasi pelaksanaan kaedah tersebut oleh Encik Zainul bin Isahak.





SAPPHAT III & BruHAS Penuhi Keperluan Industri Halal

Seminar Antarabangsa mengenai Produk dan Perkhidmatan Halalan Thayyiban Ketiga (SAPPHAT III) dan Pameran Halal Brunei 2018 (BruHAS 2018) anjuran Kementerian Tenaga, Tenaga Manusia dan Perindustrian dan Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) telah diadakan pada 26 Zulakedah 1439 bersamaan 8 Ogos 2018 di Dewan Persidangan Antarabangsa Berakas.

Majlis berkenaan telah dirasmikan oleh Menteri Tenaga, Tenaga Manusia dan Perindustrian, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr Haji Mat Suny bin Haji Mohd Hussein.

Turut hadir ialah Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Pengiran Dato Seri Paduka Haji Bahrom bin Pengiran Haji Bahar, Timbalan Menteri Tenaga, Tenaga Manusia dan Perindustrian, Dato Seri Paduka Haji Matsatejo bin Sokiaw dan pegawai-pegawai kanan serta kakitangan di kementerian berkenaan.

Majlis dimulakan dengan ucapan alu-aluan Pengerusi Bersama BruHAS 2018 dan Dekan Fakulti Syariah dan Undang-Undang UNISSA, Dr Hajah Mad Nooraini binti Haji Mohiddin.

Kemudian, majlis diteruskan dengan pembentangan kertas kerja bertajuk "Kekukuhan Industri Halalan Thayyiban Pemangkin Negara Zikir" bagi Seminar Antarabangsa mengenai Produk dan Perkhidmatan Halalan Thayyiban Ke-3 (SAPPHAT III) yang diadakan sempena pameran berkenaan, yang disampaikan oleh Timbalan Mufti Kerajaan, Dato Seri Setia Dr Haji Japar bin Haji Mat Dain @ Maidin.

Perbincangan memfokus kepada perkara mematuhi hukum asas mengenai makanan iaitu halal haram dan subhah.



Yang Berhormat Menteri Tenaga dan Perindustrian melawat booth Pusat Penyelidikan Halalan Thayyiban UNISSA.

Ekspo Halal berkenaan telah disertai oleh lebih 50 perusahaan kecil dan sederhana serta peserta daripada industri halal dari dalam dan luar negara. Pameran tersebut mengetengahkan syarikat-syarikat tempatan dan antarabangsa yang berada di negara ini sama ada daripada industri makanan, farmaseutikal, kosmetik, pelancongan dan agensi pelancongan, produk rumah dan pembekal perkhidmatan halal.

